



KENYATAAN MEDIA

31 Oktober 2022

KUALA LUMPUR, 31 Oktober – KPJ Healthcare Berhad (“KPJ Healthcare” atau “Syarikat”) ingin memohon maaf secara terbuka kepada semua rakyat Malaysia, khususnya kepada masyarakat kaum India, berkaitan dengan video yang telah tular di salah satu premis kami.

Sebagai penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan, KPJ Healthcare sentiasa menyantuni dan menghormati kepelbagaian budaya di Malaysia.

Kami ingin menyatakan dengan jelas bahawa KPJ Healthcare tidak membenarkan tindakan sedemikian dan sama sekali tidak mencerminkan budaya, nilai atau amalan kami.

Kami kecewa dengan tindakan tidak bertanggungjawab individu ini dan pihak terbabit telah digantung kerja sementara menunggu siasatan lanjut. Kami juga telah membuat laporan polis mengenai insiden tersebut dan akan terus memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa berkaitan perkara ini.

Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini akan dimaklumkan melalui laman web kami (www.kpjhealthcare.com.my).

-tamat-